

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH / HARI : 27. FEBRUARI 2017 (ISNIN)

'Ziarah' siang hambar

■ Pasukan cegah denggi MBSA berjaya periksa 745 daripada 2,093 rumah

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Petugas Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melawat lebih 2,000 unit rumah sejak Januari lalu bertujuan mencegah dan mengawal penularan wabak denggi khususnya di bandar raya itu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MBSA, Dr Roslan Fadzil bagaimanapun mendakwa hanya 745 rumah berjaya diperiksa manakala 1,277 lagi kediaman bertutup.

"Pemeriksaan dilakukan terutamanya di kawasan panas sejak awal Januari hingga 18 Februari lalu namun ia tidak mendapat kerjasama kerana kebanyakan penghuni tiada di rumah pada waktu siang.

"Hasil pemeriksaan



DARI kiri, Rosli, Dr Yaakob dan Roslan (kanan) menyembur aerosol pada maskot nyamuk sebagai gimik perasmian majlis.

mendapati 15 rumah positif dan 12 kompaun dikeluarkan MBSA," katanya pada Program Semburan Aerosol di flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Seksyen 7, di sini, semalam.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari dan Timbalan Setiausaha MBSA, Rosli Bakar.

Dr Roslan berkata, kebanyakan penghuni flat PKNS penuntut universiti dan mereka hanya ada di rumah waktu malam saja.

"Ini menyukarkan tugas kami. Menerusi program semburan aerosol, penghuni diberikan pendedahan kepentingan penggunaan aerosol di dalam rumah sebagai langkah pencegahan awal.

"Semburan aerosol dalam rumah dilakukan di kawasan pembiakan nyamuk aedes seperti takungan bawah peti sejuk, bekas takungan air dan bekas pasu bunga yang boleh mengawal penularan wabak itu," katanya.

Sementara itu, 450 unit aerosol diagihkan kepada penghuni pangsapuri terbabit.